



**MINIT MESYUARAT
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, BAHAGIAN
PERKHIDMATAN TEKNIKAL
(KSKBPT) BIL. 2(06/08)**

Tel: 05-5406000; Fak: 05-5406100 ;
webpage: <http://kskbpt.cjb.net>



Tarikh : 03.11.2006
Tempat : Bilik Mesyuarat Tingkat 1, Blok Zamrud, BPT.
Masa : 09.00 pg

HADIR :

1. Tn. Hj. Mohd. Zaidi Bin Mohd. Hasan (Presiden) - Pengerusi
2. En. Mohd. Zahar Bin Ibrahim (Bendahari Kehormat & Webmaster)
3. En Jontih Enggihon (Pengerusi Biro Sukan)
4. En Abd Aziz B Mohd Nor (Pengerusi Biro Kebajikan & Sosial)
5. Pn. Hjh. Noor Ashikin bt Abd. Razak (Pen. Bendahari Kehormat)
6. Pn Ramlah Bt Satar (Pen Setiausaha Kehormat)
7. Pn. Hamisah Binti Adnan (AJK)
8. En. Mohd Fuzi Bin Hashim (Setiausaha Kehormat) - Setiausaha

TIDAK HADIR :

9. Tn. Hj. Azhari Bin Ahmad (Timbalan Presiden)
10. En. Abdullah Bin Sulaiman (Pengerusi Biro Rekreasi)
11. En Zahrulnajmi Bin Mohd Salleh(AJK)
12. Pn Zuliza Bt Ahmad Nor (Pengerusi Biro HELWA)

AGENDA MESYUARAT

1.0 PERUTUSAN PENGERUSI

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT Bil02(06/08)

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

4.0 LAPORAN BIRO-BIRO

5.0 HAL-HAL LAIN

6.0 PENUTUP

Bil	PERKARA	TINDAKAN
1.0	PERUTUSAN Pengerusi	
	<p>Tn Hj Mohd Zaidi selaku Presiden Kelab merangkap pengerusi mesyuarat mengalu-alukan kehadiran semua ahli jawatankuasa kelab dan membuka majlis dengan bacaan surah Al-Fatihah. Pengerusi memaklumkan yang perjalanan aktiviti kelab setakat ini masih agak perlahan dan kurang bermaya. Namun beliau memahami tugas hakiki setiap ahli jawatankuasa yang bertambah menghadkan tugas sementara sebagai ahli jawatankuasa Kelab. Sehingga kini masih tiada laporan perkembangan aktiviti daripada setiap biro yang ditubuhkan. Hanya terdapat sedikit aktiviti sahaja yang mampu dijalankan oleh web_team dan biro HELWA. Pengerusi seterusnya menggariskan dua langkah utama untuk menggerakkan aktiviti kelab selepas ini iaitu;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Setiap Biro haruslah menganjurkan aktiviti masing-masing. 2. Kelab menganjurkan aktiviti induk dengan penglibatan/penyertaan setiap biro dalam mengadakan aktiviti sampingan. <p>Pengerusi juga memaklumkan perkembangan sukan NRE antara Malaysia dan Singapura yang akan diadakan pada Disember 2006. latihan pusat akan diadakan bertempat di FRIM pada 18 Nov 2006. peserta yang terlibat telah dipilih berdasarkan penyertaan terdahulu. Pengerusi berharap agar semua biro dapat menggerakkan aktiviti diperingkat biro masing-masing selepas ini.</p>	
2.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT KSKBPT BIL01(06/08)	
	En Mohd Fuzi Bin Hashim, selaku Setiausaha Kelab mencadangkan agar Minit Mesyuarat KSKBPT Bil01(06/08) disahkan. En Mohd Zahar Bin Ibrahim selaku Bendahari menyokong cadangan pengesahan Minit Mesyuarat KSKBPT Bil01(06/08) oleh setiausaha.	Makluman
3.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT	
3.1	<p>Perlantikan AJK Kecil dan Perancangan Aktiviti bagi Setiap Biro</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Setiausaha memaklumkan setakat ini Biro Helwa, Biro Kebajikan, Biro Sukan dan Web-team telah menyerahkan senarai AJK kecil masing-masing. Pengerusi meminta kepada semua pengerusi-pengerusi biro yang belum menyerahkan senarai AJK Kecil masing-masing kepada setiausaha agar dapat melakukannya selepas ini. 2. Setiausaha seterusnya memaklumkan Web_Team telah pun menyerahkan cadangan aktiviti yang akan dijalankan sepanjang sesi 06/08. Biro-biro lain hanya menyatakan secara lisan aktiviti yang akan dijalankan. Pengerusi juga meminta kerjasama semua biro yang terlibat agar dapat menyediakan cadangan aktiviti anjuran biro masing-masing dan diserahkan kepada setiausaha untuk penyelarasan dan rekod serta dapat dihebahkan kepada ahli bagi tujuan publisiti. 	<p>Pengerusi Biro Ekonomi & Rekreasi.</p> <p>Pengerusi Biro Ekonomi, Sukan, Rekreasi, HELWA & Kebajikan</p>

3.2	<p>Pertukaran jawatan dan penyerahan tugas.</p> <p>Pengerusi menggesa agar proses ini dapat disegerakan seberapa cepat yang boleh.</p>	Semua yang berkenaan
3.3	<p>Cadangan Aktiviti-Aktiviti Setiausaha untuk sesi06/08</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penyerahan laporan kepada pendaftar pertubuhan belum dapat diserahkan sehingga kini. 2. Pengemaskinian dengan Bank RHB bagi proses transaksi kewangan turut belum dapat dilaksanakan; 3. Berhubung dengan pendaftar pertubuhan untuk menggubal undang-undang berkenaan Ahli bersekutu dan pengenalan Logo dan Moto yang baru. 	Setiausaha
3.4	<p>Cadangan Aktiviti-Aktiviti Bendahari Kehormat untuk sesi06/08</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kutipan yuran; <ol style="list-style-type: none"> i. Bendahari memaklumkan notis kutipan yuran sudah dikeluarkan dan ditampal di beberapa lokasi diperkarangan BPT. ii. Pengerusi mencadangkan agar senarai pembayar yuran dikemaskini sentiasa dan penyata tahunan dikeluarkan serta diserahkan kepada ahli setiap hujung tahun. 	Makluman Bendahari Kehormat
3.5	<p>Cadangan Aktiviti-Aktiviti Biro Sukan untuk sesi 06/08</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pertandingan Golf Terbuka BPT JMG Ipoh. En Jontih selaku Pengerusi Biro Sukan membayangkan pertandingan Golf Terbuka dapat dijayakan pada tahun hadapan (2007) dan memohon sumbangan semua ahli jawatankuasa kelab dalam menganjurkan pertandingan tersebut. 2. Sukan Kompleks BPT Pengerusi Biro sukan menyatakan setakat hari ini tiada perkembangan terkini diterima dari penganjur pada kali ini iaitu KSK PPM tentang pnganjuran sukan Kompleks BPT ini. 3. Sukan NRE Pengerusi Biro sukan memaklumkan Singapura akan menjadi tuan rumah pada kali ini dan BPT menghantar 5 orang peserta pada kali ini. 4. Sukan MAKSAK Presiden mengharapkan Kelab menghantar peserta pada tahun ini. Namun bendahari menjelaskan bahawa KSKBPT tidak menghantar peserta pada tahun ini. Presiden membayangkan bahawa berkemungkinan kelab tidak mendapat maklumat daripada MAKSAK adalah punca kepada keciciran penyertaan Kelab pada tahun ini. 5. Sukan Muzium Pada tahun ini Presiden memaklumkan Sukan Muzium akan diadakan di Negeri Melaka antara bulan April/Mei 2007. Mesyuarat dimaklumkan anantara masalah utama penyertaan dalam sukan muzium ini adalah dari segi kos penginapan dan pengangkutan. Presiden turut mencadangkan KSKBPT di bawah biro sukan menguruskan pemilihan sukan muzium pada tahun ini memandangkan terdapatnya arahan daripada KP agar peserta sukan muzium terdiri daripada kakitangan warga BPT sahaja. 	Pengerusi Biro Sukan Makluman Makluman Makluman Pengerusi Biro Sukan

3.6	<p>Cadangan Aktiviti-Aktiviti Biro Ekonomi untuk sesi 06/08</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pn Hjh Noor Ashikin mencadangkan agar kelab membuat baju jabatan/kelab untuk jualan kepada staf JMG. Bayaran boleh dibuat secara ansuran dan dijangka akan mampu menambahkan pendapatan kelab. Mesyuarat sebulat suara bersetuju. 2. Mesyuarat dimaklumkan cadangan agar Kelab memohon kepada Cawangan Pentadbiran untuk mengenakan bayaran tertentu kepada setiap wakil syarikat/jualan yang datang ke BPT untuk tujuan perniagaan telah diluluskan dan sudah pun dilaksanakan. Caj sebanyak RM30.00 sehari dikenakan kepada para pengusaha/peniaga dan bayaran tersebut dimasukkan kedalam tabung kelab. 	<p>Pengerusi Biro Ekonomi</p> <p>Makluman</p>
3.7	<p>Cadangan Aktiviti-Aktiviti Biro HELWA untuk sesi 06/08</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengerusi mencadangkan agar Biro Helwa pada sesi ini menganjurkan lawatan ke Sungai Kelah. 	<p>Pengerusi Biro HELWA</p>
3.8	<p>Cadangan Aktiviti-Aktiviti Web_Team untuk sesi 06/08</p> <p>En Mohd Zahar selaku Pengerusi web-Team pada tahun ini telah menjelaskan serba sedikit perkembangan perkara –perkara berikut;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Telah membuat pangkalan data untuk penyelarasan maklumat- maklumat berkenaan keahlian/aktiviti/yuran/pencapaian dan lain-lain yang berkenaan. 2. Jualan gambar dan VCD ceramah setiap kursus atau aktiviti yang dianjurkan oleh jabatan telah diadakan sepanjang masa. 	<p>Makluman</p>
4.0	<p>LAPORAN BIRO-BIRO</p>	
4.1	<p>Laporan Setiausaha</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sehingga tarikh ini, seramai 114 daripada 202 kakitangan BPT telah mendaftar sebagai ahli. 2. Surat kepada Pengarah untuk memohon kebenaran agar mewajibkan semua kakitangan warga BPT menjadi ahli secara automatik akan diutuskan secepat yang mungkin. 3. Kerjasama dengan Pentadbiran bagi kelicinan pendaftaran keahlian bagi kakitangan baru yang mendaftar sebagai ahli telah diadakan dengan perantaraan Pn Ramlah Bt Satar selaku Penolong Setiausaha Kehormat. 4. Surat permohonan kepada pengarah BPT agar memberikan kelebihan markah dalam SKT kepada kakitangan yang mendaftar sebagai ahli masih belum dapat diserahkan. 	<p>Makluman</p> <p>S/U</p> <p>Makluman</p> <p>S/U</p>
4.2	<p>Laporan Bendahari Kehormat</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Telah melantik empat orang Petugas Kutipan Yuran yang baru. Mereka terdiri daripada; <ol style="list-style-type: none"> i. Ahmad Nizam Ishak (Makmal) ii. Hamid Zakaria (Pentadbiran & Kewangan) iii. Rizal Jasmin (Perkhidmatan Geosains) iv. Robiah Abd Rahman (IT dan Lombong/ Kuari) 2. Telah menyiapkan pangkalan data untuk KSKBPT. Ianya dinamakan Kelabdat telah dibuat menggunakan visual Dbase. Database ini mengandungi maklumat-maklumat berkaitan dengan keahlian, yuran, kemudahan- 	<p>Makluman</p> <p>Tindakan Pengerusi Web-Team</p>

	<p>kemudahan yang telah diterima oleh ahli serta penglibatan dalam aktiviti sukan dan sebagainya. Ianya memudahkan akses kepada maklumat-maklumat yang diperlukan. Setakat ini maklumat berkenaan keahlian dan yuran telah dimasukkan sepenuhnya.</p> <p>3. Penyata Yuran; Penyata bertarikh 16 Okt 2006 telah dikeluarkan kepada setiap ahli. Ianya bertujuan mengesahkan status mereka sebagai ahli kelab dan menyedarkan komitmen mereka dalam menjelaskan baki yuran tertunggak masing-masing.</p> <p>4. Kutipan yuran berkala telah diadakan bertempat di kantin BPT pada 3 Nov. 2006. Kempen ini mendapat sambutan yang baik dengan kutipan yuran pada kali ini telah mencecah RM392.00. Kempen ini akan diadakan secara berkala pada masa-masa hadapan.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
4.3	<p>Laporan Biro Ekonomi -Tidak hadir-</p>	
4.4	<p>Laporan Biro Sukan -seperti dinyatakan di atas-</p>	Makluman
4.5	<p>Laporan Biro Rekreasi -Tidak hadir-</p>	
4.6	<p>Laporan Biro HELWA -Tidak hadir-</p>	
4.7	<p>Laporan Biro Kebajikan</p> <p>1. Pengerusi Biro kebajikan mencadangkan pada tahun ini Biro bercadang untuk menganjurkan lawatan sambil berbakti ke rumah kebajikan kanak-kanak terbiar.</p>	Pengerusi Biro Kebajikan
4.8	<p>Laporan Web-Team</p> <p>1. Penubuhan dan Perlantikan AJK Kecil; (Mohd Zahar Bin Ibrahim(webmaster), Abdul Aziz Mohd Nor, Ahmad Nizam Ishak, hamisah Bt Adnan (SU) dan Fahimah Zaidah Zainul Abidin.</p> <p>2. Promosi laman web menerusi banner; sepanjang tahun.</p> <p>3. Penyediaan domain baru KSKBPT; Januari 2007</p> <p>4. Penjualan gambar dan video aktiviti; Pertandingan Melukis dan Mewarna, Lawatan Pengarah JMG ke BPT, dan Jualan VCD diadakan sepanjang masa.</p> <p>5. Penjualan kad nama rasmi jabatan; agak kurang mendapat sambutan (4 orang sahaja yang berminat), walau bagaimanapun tempahan masih dibuka.</p> <p>6. Penjualan tag nama; Mendapat sambutan yang agak menggalakkan, seramai 32 kakitangan telah menempa. Keuntungan sehingga kini mencecah RM 154.00. Sebarang tempahan baru diterima.</p> <p>7. Perkhidmatan laminasi; sehingga kini telah terdapat 9 transaksi dengan anggaran keuntungan sebanyak RM106.50.</p> <p>8. Penjualan Kupon isian semula Maxis dan Celcom; Bermula 28.08.06. modal RM420 disumbangkan Tn Hj azhari. Sambutan agak baik sehingga kini dengan keuntungan dianggarkan RM 98.00. adalah diharapkan kelab dapat menyediakan modal tambahan bagi mengelakkan kehabisan stok.</p> <p>9. Pertandingan Melukis dan mewarna 2006; ditangguhkan sehingga 2007</p> <p>10. Lawatan ke Melaka; Mei 2007.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>webmaster</p> <p>webmaster</p>
5.0	<p>HAL-HAL LAIN</p> <p>1. Jamuan Hari Raya</p> <p>Pn. Hjh. Noor Ashikin memaklumkan bahawa majlis tersebut akan diadakan setelah selesai majlis perhimpunan bulanan iaitu pada 15.11.2006. Persiapan makanan dan kanopi diuruskan oleh Pentadbiran. Walau bagaimanapun kelab diminta agar dapat memberi sumbangan dari segi persiapan dan</p>	Makluman

	dekorasi. Presiden mencadangkan kelab menyumbangkan RM100 untuk jamuan hari raya pada tahun ini. Mesyuarat sebulat suara bersetuju.	
6.0	Penutup	
5.1	Tuan Presiden selaku pengerusi mengucapkan terima kasih kepada En Mohd Zahar Ibrahim atas sumbangan beliau dalam menyediakan program database untuk kelab dan bergerak aktif dalam mengutip yuran ahli. Di samping itu, tuan presiden juga mengharapkan agar sebelum hujung tahun 2006 ini akan ada program yang dapat digerakkan oleh setiap biro di bawah kelab. Presiden juga mengharapkan agar sambutan hari raya pada kali ini dapat dijalankan dengan sempurna dan jayanya.	
5.2	Mesyuarat ditangguhkan tepat jam 12.00 t/hari dengan ucapan terima kasih daripada Tuan Pengerusi dan diakhiri dengan bacaan Tasbih Kifarah dan Surah Al-As'ri.	

Disediakan oleh:



.....
MOHD FUZI BIN HASHIM
Setiausaha Kehormat,
Kelab Sukan Dan Kebajikan
Bahagian Perkhidmatan Teknikal
Jabatan Mineral & Geosains